



PASANG: Lee (tengah, depan) menurunkan tali perangkap sampah yang dipasang di hadapan parit besar yang terletak di Tebingan Miri semalam sambil disaksikan yang lain.

Lokasi strategik perangkap sampah seterusnya di Sungai Miri akan dikaji

MIRI: Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Miri (MBM) akan melakukan kajian terperinci di sepanjang Sungai Miri, bagi mengenal pasti lokasi-lokasi strategik untuk memasang perangkap sampah yang seterusnya.

Menteri Pengangkutan Sarawak Datuk Lee Kim Shin berkata, ia adalah langkah susulan yang akan diambil oleh kementerian itu menerusi agensinya, LSS bersama MBM ekoran kejayaan projek perintis perangkap sampah yang dipasang sebelum ini.

Lee berkata, projek perintis pertama yang dilaksanakan oleh mereka ialah memasang perangkap sampah di bawah Jambatan Piasau pada 12 Februari tahun ini, menggunakan bahan-bahan kitar semula seperti botol plastik untuk komponen pengampung perangkap sampah tersebut.

"Sejak dipasang (pada 12 Februari) sehingga kini (semalam) bulan September, kita telah berjaya mengutip lebih

tiga tan sampah sarap," katanya kepada pemberita pada sidang media di sini semalam, selepas mengadakan lawatan ke lokasi pemasangan perangkap sampah di Sungai Miri.

Pemasangan projek perintis kedua pula dibuat di hadapan dua parit besar yang terletak di Tebingan Miri dan Kampung Wireless di sini dengan menggunakan bahan lebih berkualiti yang menelan kos sebanyak RM40,000.

"Kita berharap, apabila perangkap ini diapungkan di sana kelak, sampah sarap yang hanyut menerusi parit besar berkenaan akan terperangkap di situ dan tidak akan mengalir ke sungai.

"Manakala pihak MBM pula bertanggungjawab untuk mengutip sampah-sarap yang terapung di hadapan perangkap sampah-sarap ini, sebanyak tiga kali seminggu," katanya.

"Ini adalah satu projek perintis dan kita akan memasang di beberapa kawasan lain. Kita akan mengkaji bersama MBM di mana timbul masalah

banyak sampah-sarap terapung di sungai-sungai dan kita akan menambah perangkap sampah ini di lokasi berkenaan," tambah beliau.

"LSS sentiasa memberi perhatian kepada kebersihan sungai dan sampah-sarap di sungai-sungai ini berpunca daripada sampah domestik, industri dan sebagainya di darat, yang tidak diurus dengan baik dan dibuang ke parit, dari situ ia masuk ke sungai dan seterusnya di laut," jelas Lee.

Sehubungan itu, Lee meminta kerjasama semua warga bandar raya Miri, supaya menguruskan sampah-sarap mereka dengan teratur dan pada masa yang sama meminta MBM memberi perhatian lebih dengan menyediakan banyak lagi tong sampah di tempat-tempat awam dan kawasan kediaman.

"Miri sebagai sebuah bandar raya Miri sebagai sebuah bandar raya peranginan, amat penting sekali. Dulu Sungai Miri pernah dalam

senarai 10 buah sungai paling tercemar di Malaysia, tetapi kini ia tidak lagi kerana sungai berkenaan semakin bersih," katanya.

Malah Lee mahu rekod Sungai Miri sebagai sebuah sungai yang bersih perlu dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa hingga dia disenaraikan menjadi antara sungai paling bersih dalam negara.

"Inilah inspirasi kita di masa depan dan saya pasti ia juga inspirasi semua warga bandar raya Miri dan pihak MBM," ujar Lee lagi.

Turut hadir mengiringi Lee semalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Sarawak Buckland Bangik, Datuk Bandar Miri Adam Yü, Pengerusi LSS Dr Murni Suhaili, Pemangku Kontroller LSS Leftenan Kol (B) Ding Tiew Wong, Asisten Kontroller Wilayah 3 LSS Bahagian Miri, Bintulu dan Limbang Leonard Luhut Laing serta Pemangku Residen Miri Abdul Aziz Mohd Yusuf.

Utusan Borneo
13/09/20

Pcm,
For yr info pls. tg
14/9/2020